

03 NOV 1997

G15 : KENYA MAHU TAMBAH DAGANGAN DENGAN NEGARA ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Pada hari ia diterima sebagai anggota terbaru G15, Kenya berkata ia berharap untuk meluaskan hubungan perdagangan dengan negara-negara lain dalam kumpulan itu.

Nicholas K Biwott, Menteri bagi Perhubungan Luar di Pejabat Presiden Kenya hari ini berkata G15 adalah pertubuhan yang menawarkan banyak potensi untuk perdagangan dan negaranya bertuah kerana diterima menyertainya.

"Dengan meluaskan perdagangan di kalangan negara G15, kami akan dapat meningkatkan tahap pembangunan kami," katanya di akhir mesyuarat hari pertama sidang kemuncak G15 di sini.

Biwott berkata Kenya mendapati sukar untuk berdagang dengan negara maju dan dengan itu akan bekerja keras untuk mengukuhkan hubungannya dengan negara-negara G15.

Beliau juga menyentuh mengenai krisis mata wang dan pasaran saham, dengan berkata penyelesaian bergantung kepada kerjasama semua negara.

Petang ini, Biwott mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.-- BERNAMA

MT MAI